KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 6 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Sinergi Google Malaysia-MARA terajui AI dalam ekosistem pendidikan
PAUTAN	https://tinyurl.com/362y3d4h

BERITA Follow >Nasional Follow

Sinergi Google Malaysia-Mara terajui AI dalam ekosistem pendidikan

NOOR AINON MOHAMED Follow

05 Ogos 2026 11:27pm
Masa membaca: 4 minit



Lawatan kerja Mara di Google Malaysia.

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

KUALA LUMPUR – Google Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) memperkukuh usaha mempercepat transformasi digital di institusi itu menerusi kerjasama strategik yang memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) di institusi pendidikan Mara.

Inisiatif yang diterajui Kolej Poly-Tech Mara Sdn Bhd (KPTMSB) itu melibatkan pelaksanaan Google Workspace for Education Plus dengan penyediaan 30,000 lesen kepada warga Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) serta enam kampus Kolej Poly-Tech Mara di seluruh negara.

Pelaksanaan platform tersebut dijangka memperkasa pengalaman pengajaran, pembelajaran dan kolaborasi digital menerusi penggunaan aplikasi berasaskan AI seperti Gemini, Google Classroom dan NotebookLM.

Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) Mara, Zahari Aziz berkata, AI bukan lagi sekadar teknologi masa depan, sebaliknya menjadi pemacu utama perubahan dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan pembangunan modal insan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 6 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Malaysia News
TAJUK	Sinergi Google Malaysia-MARA terajui AI dalam ekosistem pendidikan
PAUTAN	https://tinyurl.com/59vdcanm

Top News-5

Sinergi Google Malaysia-Mara terajui AI dalam ekosistem pendidikan

Sinar Harian SUARA RAKYAT

August 5, 2026 | 11:27 pm



KUALA LUMPUR – Google Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) memperkukuh usaha mempercepat transformasi digital di institusi itu menerusi kerjasama strategik yang memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) di institusi pendidikan Mara.

Inisiatif yang diterajui Kolej Poly-Tech Mara Sdn Bhd (KPTMSB) itu melibatkan pelaksanaan Google Workspace for Education Plus dengan penyediaan 30,000 lesen kepada warga Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) serta enam kampus Kolej Poly-Tech Mara di seluruh negara.

Pelaksanaan platform tersebut dijangka memperkasa pengalaman pengajaran, pembelajaran dan kolaborasi digital menerusi penggunaan aplikasi berasaskan AI seperti Gemini, Google Classroom dan NotebookLM.

Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) Mara, Zahari Aziz berkata, AI bukan lagi sekadar teknologi masa depan, sebaliknya menjadi pemacu utama perubahan dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan pembangunan modal insan.

Menurutnya, institusi pendidikan perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi bagi melahirkan graduan yang celik digital, berfikiran kritis serta mampu memenuhi keperluan industri pada masa hadapan.

"Pemanfaatan teknologi AI mampu meningkatkan produktiviti dan keberkesanan proses pengajaran serta pembelajaran, di samping memperkukuh kemahiran digital warga institusi pendidikan," katanya ketika melancarkan kerjasama tersebut di sini pada Rabu.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 6 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Dewan Kosmik
TAJUK	Sinergi Google Malaysia-MARA terajui AI dalam ekosistem pendidikan
PAUTAN	https://tinyurl.com/3a3ta453

BERITA

Sinergi Google Malaysia–MARA Terajui Kecerdasan Buatan dalam Ekosistem Pendidikan

Oleh **Amirah Syazwani Baderol Sham**
Diterbitkan pada 6 Ogos 2026, 10:07

A⁺ A⁻ A⊘

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui **Telegram DBPMalaysia** Langgan Sekarang

Kuala Lumpur – Google Malaysia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) membuka lembaran baharu dalam landskap pendidikan negara menerusi kolaborasi strategik yang memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI), sekali gus mempercepat transformasi digital di institusi pendidikan MARA, semalam.

Menurut MARA, kerjasama yang diterajui oleh Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. itu melibatkan pelaksanaan Google Workspace for Education Plus dengan penyediaan 30 ribu lesen kepada warga Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) dan enam kampus Kolej Poly-Tech MARA di seluruh negara.

IKLAN


Langkah ini dijangkakan memperkaya pengalaman pengajaran, pembelajaran dan kolaborasi digital melalui penggunaan teknologi AI.

Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) MARA, Encik Zahari Aziz menegaskan bahawa AI bukan lagi sekadar teknologi masa hadapan, sebaliknya telah menjadi pemacu kepada perubahan dalam pendidikan, pekerjaan dan pembangunan modal insan.

"Institusi pendidikan perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi bagi melahirkan graduan yang celik digital, berfikiran kritis dan bersedia menghadapi cabaran industri pada masa hadapan," katanya ketika majlis pelancaran kerjasama berkenaan.

Tambah beliau, teknologi seperti Gemini, Google Classroom, NotebookLM dan aplikasi lain dalam Google Workspace for Education Plus dijangkakan membantu meningkatkan produktiviti serta keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 6 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Malaysia Gazette
TAJUK	RUU MARA dibentang sebelum akhir tahun
PAUTAN	https://tinyurl.com/y64xfu2j

RUU MARA dibentang sebelum akhir tahun – Asyraf Wajdi

Oleh **Shawaliah Hadir** - 5 August 2026



Pengerusi MARA, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki

KUALA LUMPUR – Rang Undang-Undang (RUU) Akta Majlis Amanah Rakyat (MARA) 2026 bakal dibentangkan di Dewan Rakyat sebelum akhir tahun ini.

Menurut pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, 80 peratus intipati RUU tersebut adalah untuk memperkemaskan tadbir urus MARA.

"Draf cadangan pindaan dan penggubalan Akta MARA yang baharu ini sudah melalui pelbagai proses panjang dan mendapat maklum balas pelbagai kumpulan pemegang taruh termasuk daripada Kementerian-Kementerian yang berkaitan," katanya menerusi hantaran di media Facebook hari ini.

Katanya lagi, antara komponen penting dalam draf tersebut adalah memastikan aspek tadbir urus dan disiplin kewangan MARA diperketatkan dan diperkemaskan sejajar dengan piawaian tadbir urus korporat antarabangsa.

Jelas beliau, ia bagi mengelak penyelewengan sama ada dalam bentuk salah guna kuasa, rasuah, pemborosan yang boleh meruntuhkan institus dan ekonomi anak bangsa tidak berlaku hanya kerana kelemahan tadbir urus.

Pada Jun lalu, Asyraf Wajdi mengesahkan kertas dasar bagi penggubalan Akta MARA 2026 sudah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Terdahulu pada Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan MARA mempercepatkan penyediaan pindaan akta baharu itu memperkukuh tadbir urus serta peranan agensi itu dalam pembangunan Bumiputera.- MalaysiaGazette





Artikel Popular



Seni Hidup

Adi Putra letak jawatan di dua syarikat

4 August 2026

Letak jawatan, sebagai Ahli Lembaga Pengarah merangkap Pengarah Perkongsian Strategik di Aliyah Rizq Holdings Pte. Ltd. serta Pengarah Eksekutif Aliyah Rizq Farm Sdn. Bhd.



Anjing dalam troli: Premis barangan bayi mohon maaf

5 August 2026

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 6 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Penghayatan sejarah dan semangat patriotisme perlu terus dipupuk dalam kalangan masyarakat
PAUTAN	https://tinyurl.com/u36pabf3

Utusan Borneo Online

Sarawak | Sabah | Nasional | Dunia | Iban | Sukan | Ekonomi | Mahkamah | Rencana

Halaman Utama » Sarawak » Penghayatan sejarah dan semangat patriotisme perlu terus dipupuk dalam kalangan masyarakat

Penghayatan sejarah dan semangat patriotisme perlu terus dipupuk dalam kalangan masyarakat

Ogos 5, 2026, Rabu - 5:47pm



John menerima cenderamata pada perasmian Program Akaap Brupagi: Kibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Bulan Kebangsaan di Bangunan Arked MARA Serian hari ini. - *Gambar UKAS*

KUCHING: Penghayatan sejarah dan semangat patriotisme perlu terus dipupuk dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda, bagi memperkukuh identiti negara serta menghargai pengorbanan pejuang terdahulu.

ADVERTISEMENT

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Semuja John Ilus berkata, setiap negara yang dibentuk mempunyai nilai teras yang menjadi asas kepada perpaduan rakyat serta pembentukan identiti nasional.

Menurut beliau, pemahaman terhadap sejarah pembentukan negara amat penting agar generasi masa kini memahami erti kemerdekaan, menghargai kebebasan yang dikecapi serta mengelakkan kesilapan yang pernah berlaku pada masa lalu.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 6 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Suara Merdeka
TAJUK	Afif gesa Asyraf Wajdi lepas jawatan Pengerusi MARA, tuntut akauntabiliti penuh susulan RCI Tabung Haji
PAUTAN	https://tinyurl.com/2jr6wvhy



Politik

Afif gesa Asyraf Wajdi lepas jawatan Pengerusi MARA, tuntut akauntabiliti penuh susulan RCI Tabung Haji

Wartawan Suara Merdeka

5 August 2026

jangan lupa kongsikan artikel ini dengan kawan anda

Facebook

KUALA LUMPUR – Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Bersatu, Dr. Afif Bahardin menggesa Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki melepaskan jawatan sebagai Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) sehingga semua proses siasatan susulan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tabung Haji (TH) selesai.

Menurut Afif, Asyraf Wajdi wajar mengambil tanggungjawab moral memandangkan beliau pernah memegang jawatan Timbalan Menteri yang berkaitan dengan portfolio Hal Ehwal Agama dalam sebahagian tempoh yang menjadi fokus siasatan RCI.

Beliau menegaskan bahawa walaupun sebarang liabiliti individu hanya boleh diputuskan melalui proses undang-undang, Asyraf tidak boleh bertindak seolah-olah tiada isu yang perlu dipertanggungjawabkan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 6 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Asyraf Wajdi wajar letak jawatan hingga siasatan RCI TH selesai
PAUTAN	https://tinyurl.com/h3wrxsa6

Asyraf Wajdi wajar letak jawatan hingga siasatan RCI TH selesai – Ahli MPT Bersatu

Local | Politics 5 Aug 2026 • 4:53 PM MYT

Oh My Media
A digital platform emphasizing quality content and inspirational stories.

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Bersatu, Dr Afif Bahardin menggesa Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki supaya mempertimbangkan peletakan jawatan sebagai Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) sehingga keseluruhan proses siasatan berkaitan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Tabung Haji (TH) selesai.



Menurut Afif, tindakan itu perlu diambil sebagai langkah menjaga integriti institusi awam selain memastikan tiada persepsi negatif timbul sepanjang proses siasatan berlangsung.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 6 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	MEXCLUB perkukuh ekosistem pembangunan luar bandar
PAUTAN	https://tinyurl.com/3ke9zsfh

MEXCLUB perkukuh ekosistem pembangunan luar bandar

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

Pembangunan luar bandar yang mampan bukan sekadar bergantung kepada peruntukan, sebaliknya memerlukan penyelarasan yang berkesan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri supaya setiap dasar serta projek benar-benar memenuhi keperluan rakyat.

Atas dasar itu, Platform Mesyuarat Penyelarasan antara Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah bersama Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB) terus memainkan peranan sebagai wadah utama dalam menyelaras agenda pembangunan luar bandar secara lebih tersusun, inklusif dan berimpak tinggi.

Komitmen tersebut diterjemahkan menerusi Mesyuarat MEXCLUB Kali Ke-61 Bilangan 1 Tahun 2026 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Pulau Pinang.

Platform ini menjadi medan utama bagi menyelaras pelaksanaan dasar, memperkukuh kerjasama antara Persekutuan dan negeri serta memastikan setiap keputusan pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap demi kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Mesyuarat itu menghimpunkan Exco-Exco Luar Bandar dari seluruh negara bersama wakil kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan setiap perancangan pembangunan desa diputuskan secara bersama, mengelakkan pertindihan pelaksanaan serta mempercepat penyampaian manfaat kepada rakyat.

Empat fokus tersebut menjadi keutamaan bagi memastikan pembangunan luar bandar terus dipacu secara lebih strategik, termasuk memperkukuh ekonomi desa, meningkatkan keberkesanan perancangan berasaskan data, memperluaskan pembangunan usahawan serta menilai impak program sedia ada agar setiap inisiatif kerajaan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.



Ahmad Zahid mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan antara Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah bersama Exco-Exco Luar Bandar.

Antara topik khusus yang turut dibincangkan merangkumi peranan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sebagai pemacu ekonomi, pembentangan Indeks Komposit Pembangunan Negara (IKPM) oleh Kementerian Ekonomi, amalan terbaik Kerajaan Pulau Pinang dalam pembangunan usahawan, serta dapatan Kajian Program Desa Lestari.

Dapatan kajian tersebut bakal menjadi input penting kepada KKDW dalam menyusun dasar yang lebih bersasar agar setiap program pembangunan luar bandar dapat dilaksanakan dengan lebih tepat mengikut keperluan komuniti serta memberi impak yang lebih menyeluruh kepada rakyat.

Ahmad Zahid berkata, bagi menyokong usaha ini, penubuhan pasukan petugas itu dijangka memperkukuh daya saing koperasi luar bandar melalui penambahbaikan tadbir urus, peluasan akses pasaran dan jaringan strategik sekali gus membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada komuniti setempat.

Beliau menambah, pembangunan luar bandar tidak boleh diukur dari sudut fizikal semata-mata, sebaliknya perlu berasaskan kesejahteraan rohani dan keharmonian masyarakat.

"Pembinaan desa yang sebenar mesti berteraskan *spiritual happiness* dan bukannya sekadar mengejar *physical happiness*.

"Kementerian tidak mahu membandarkan desa sehingga hilang identiti dan nilai masyarakatnya sebaliknya berhasrat memodenkan desa melalui kemudahan, teknologi serta peluang ekonomi tanpa menghilangkan kekuatan budaya dan hubungan erat dalam komuniti," ujarnya.

Bagi mengaktifkan aset strategik luar bandar, beliau turut memohon kerjasama kerajaan negeri untuk mempercepatkan proses kelulusan, penyelarasan tanah dan pembangunan infrastruktur.

Keberkesanan penyelarasan pembangunan luar bandar menerusi platform seperti MEXCLUB turut dapat dilihat menerusi beberapa petunjuk positif yang menunjukkan impak pelaksanaan dasar dan program kerajaan terhadap kesejahteraan masyarakat.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid turut berkongsi data positif mengenai penurunan kadar kemiskinan luar bandar daripada 12 peratus kepada 9.9 peratus.

> Pembinaan desa yang sebenar mesti berteraskan *spiritual happiness* dan bukannya sekadar mengejar *physical happiness*."
>
> - Ahmad Zahid

"Corak migrasi terkini turut memperlihatkan daya tarikan kawasan desa apabila perpindahan penduduk dari luar bandar ke luar bandar mencatatkan 7.6 peratus dan dari bandar ke luar bandar sebanyak 7.2 peratus manakala migrasi dari luar bandar ke bandar mengecil kepada 0.6 peratus sahaja.

"Bagi menyokong perkembangan ini dengan kemudahan perkhidmatan berkualiti, KKDW bakal memperluaskan Tabika Tunas Istimewa menerusi penambahan 132 kelas baharu berbanding 19 kelas sedia ada membabitkan peruntukan sebanyak RM17.82 juta pada tahun depan," katanya lagi.

Tambahnya, kadar yuran pula kekal diselaraskan pada RM100 bagi memastikan perkhidmatan tersebut kekal mampu diakses, selaras dengan sasaran mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah Tabika Tunas Istimewa di setiap daerah menjelang tahun 2027.

Usaha yang diperkasakan menerusi MEXCLUB mencerminkan komitmen berterusan KKDW dalam memastikan setiap agenda pembangunan luar bandar dilaksanakan secara lebih terselaras antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Penyelarasan ini bukan sahaja mempercepat pelaksanaan dasar dan program pembangunan, malah memastikan manfaatnya dapat dirasai secara menyeluruh oleh masyarakat luar bandar menerusi peningkatan peluang ekonomi, kemudahan asas dan kesejahteraan komuniti.



Ahmad Zahid mempengerusikan Mesyuarat MEXCLUB Kali Ke-61 yang diadakan di sebuah hotel di Pulau Pinang.



Ahmad Zahid (duduk, tengah) bergambar bersama semua Exco Luar Bandar yang menghadiri Mesyuarat MEXCLUB Kali Ke-61.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 6 OGOS 2026 (KHAMIS)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	GIATMARA Keningau santuni pelatih, perkukuh semangat kekeluargaan
PAUTAN	https://tinyurl.com/57h6btfk

GIATMARA Keningau santuni pelatih, perkukuh semangat kekeluargaan

Oleh Vivi Olviana Najurus

KENINGAU: GIATMARA Keningau meneruskan komitmen menjaga kebajikan pelatih menerusi program "GIAT di Hati, Kongsi Rezeki" dengan menyampaikan sumbangan barangan keperluan asas sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan mereka.

Program itu disempurnakan Pengurus GIATMARA Keningau, Jamidol Alip, yang menyampaikan sumbangan berupa beras dan barangan keperluan harian kepada pelatih.

Jamidol berkata, inisiatif itu bertujuan membantu meringankan beban pelatih selain menyemai semangat saling membantu dalam kalangan warga GIATMARA.

"Program "GIAT di Hati, Kongsi Rezeki" bukan sekadar menyampaikan bantuan, malah menjadi lambang nilai kasih sayang, keprihatinan dan semangat kekeluargaan yang sentiasa diterapkan di GIATMARA Keningau.

"Kita berharap sumbangan yang diberikan dapat memberi manfaat kepada para pelatih dan menjadi motivasi untuk mereka terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang kemahiran masing-masing," katanya.

Katanya, usaha menyantuni pelatih akan terus diberi perhatian sebagai sebahagian daripada komitmen GIATMARA Keningau dalam melahirkan tenaga mahir yang berkualiti serta mempunyai nilai murni.





ERAT: Program Makan Bersama Pelatih yang diadakan di Transit Pelatih GIATMARA Keningau.

Sementara itu, dalam program berasingan, Jamidol turut meluangkan masa menghadiri program Makan Bersama Pelatih yang diadakan di Transit Pelatih GIATMARA Keningau.

Program yang disertai 20 pelatih itu bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kekeluargaan dan kebersamaan antara pihak pengurusan dengan pelatih.

Suasana santai sepanjang majlis memberi peluang kepada para pelatih berinteraksi secara lebih dekat dengan pihak pengurusan, sekali gus mewujudkan hubungan yang lebih akrab.

Jamidol berkata, program seperti itu bukan sahaja mengukuhkan ukhuwah dalam kalangan warga GIATMARA Keningau, malah dapat menyemai nilai hormat-menghormati, kerjasama dan semangat kekitaan yang menjadi asas kepada pembentukan sahsiah pelatih.

Beliau berkata, hubungan yang erat antara pengurusan dan pelatih mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih positif serta membantu membentuk pelatih yang bukan sahaja berkemahiran, malah berdisiplin dan berakhlak.

Beliau berharap program kebajikan dan aktiviti kebersamaan seumpama itu dapat diteruskan pada masa depan bagi memastikan kebajikan pelatih terus terpelihara serta semangat kekeluargaan dalam kalangan warga GIATMARA Keningau semakin kukuh.